

SPP UPSI BIL. 2 TAHUN 2009

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y.Bhg. Datok/Prof./Tuan/ Puan,

“TIME OFF”

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pemakaian masa *Time Off* hanya dibenarkan bagi urusan yang melibatkan masa tidak melebihi dua (2) jam sahaja dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Hendaklah diluluskan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab;
- 3.2 Digunakan bagi tujuan peribadi yang mendesak dan tidak dapat dielakkan;
- 3.3 Tidak melangkaui satu waktu bekerja (cth: 2 jam pada hari Jumaat maksimumnya adalah pada jam 3.00 petang hingga 5.00 petang, dan bukannya separuh hari sebelah petang Jumaat);
**sila ambil maklum, waktu bekerja pada hari Jumaat petang adalah dari jam 2.45 petang – 5.00 petang).*
- 3.4 Permohonan ini hendaklah dicatatkan dan ditandatangani kelulusannya dalam buku daftar pergerakan kakitangan;

3. Pemakaiannya hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu untuk kelulusan Ketua PTj sebelum digunapakai oleh kakitangan. Adalah digalakkan agar kakitangan yang menggunakan kemudahan ini menggantikan semula waktu tersebut pada lain hari, tanpa membuat tuntutan kerja lebih masa.

4. Kemudahan ini tidak dihadkan tetapi ianya bukan hak mutlak kakitangan dan tertakluk kepada budibicara Ketua PTj. Jika kemudahan ini digunapakai tanpa kelulusan, tindakan potong gaji kerana tidak hadir bertugas tanpa cuti (Perkara 14A (a) Perintah Am Bab C) atau tindakan tatatertib (Akta 605) boleh diambil.

5. Pemakaian pekeliling ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan dan untuk kakitangan bukan akademik Universiti sahaja.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN”

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar

s.k.: YBhg DatoqNaib Canselor
Timbalan Naib Canselor (A&A)
Timbalan Naib Canselor (P&I)
Timbalan Naib Canselor (HEPA)